

## Industri penyumberan disasar capai RM11.18b

CYBERJAYA 15 Okt. - Outsourcing Malaysia (OM), sebuah cabang Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) yakin industri penyumberan di Malaysia mampu mencecah RM11.18 bilion (AS\$3.4 bilion) dan menawarkan 88,000 peluang pekerjaan pada 2017.

Pengerusi OM, David Wong Nan Fay berkata, sasaran itu adalah berdasarkan potensi Malaysia yang berkembang pantas dalam industri berkenaan dan kerjasama dengan pelbagai syarikat terutamanya berkaitan perkhidmatan, industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pusat data.

Beliau berkata, pada masa kini industri penyumberan telah berjaya memperoleh pendapatan sebanyak RM5.7 bilion (AS\$1.9 bilion) dengan saiz pasaran RM16.4 bilion (AS\$5 bilion) berdasarkan laporan daripada 300 syarikat di Malaysia.

"Kita yakin sasaran tersebut dapat dicapai menerusi kerjasama

terkini antara OM, Setia Haruman Sdn. Bhd. (Setia Haruman) dan i2M Ventures Sdn. Bhd. (i2M), dengan menubuhkan sebuah institusi perkongsian yang dijangka mampu meningkatkan industri penyumberan ini kepada pelbagai pihak berkepentingan di seluruh negara.

"Menerusi kerjasama ini Setia Haruman yang merupakan pemaju utama di Cyberjaya dan i2M yang merupakan sebuah anak syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad bagi memfokuskan pembangunan di Nusantara, Iskandar Malaysia akan dapat menarik lebih ramai pelabur ke tempat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar penubuhan institusi perkongsian antara OM, Setia Haruman dan i2M di sini hari ini. Yang hadir sama, Pengarah Setia Haruman, Datuk P. Kasi dan Pengarah Urusan i2M, Zulfiqar Zainuddin.

Menurut Nan Fay, pihaknya

akan mempromosi dan memperkenankan kedua-dua kawasan tersebut kepada pelabur luar supaya lebih banyak pihak mendapat maklumat mengenai pembangunan serta faedah yang akan diperoleh.

Nan Fay berkata, antara perkara yang akan dipromosikan adalah seperti prasarana, bakat baharu, sumber tenaga, elektrik dan lain-lain lagi.

"Perkara ini sangat penting kerana apabila sesebuah syarikat hendak melabur, mereka semestinya mahu mengetahui kemampuan sesuatu tempat itu contohnya adakah mempunyai sumber tenaga dan elektrik yang mencukupi bagi perniagaan mereka dan perkara-perkara lain.

"Dengan maklum balas yang diperoleh daripada pelabur ini kita akan salurkan kepada pemaju-pemaju hartanah bagi menyediakan prasarana berdasarkan permintaan pelanggan," katanya.